SinarHarian SinarOnline SinarHarian sinarharian Sinar Harian Sinar Harian Official



# Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan tidak boleh gagal

NAZRIN ZULKAFLI | | 14 Februari 2021



Penampilan baharu Rina Harun tarik perhatian netizen

Baca cerita seterusnya >

A- A+

SHAH ALAM - Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang bermula penghujung Februari ini tidak boleh gagal, sebaliknya perlu mencapai objektif pelaksanaan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, negara yang melancarkan program imunisasi sedemikian mula menunjukkan pemulihan positif dalam ekonomi mereka.

ADVERTISING

Menurut beliau, Bank Dunia meramalkan ekonomi Malaysia akan kembali berkembang pada kadar 6.7 peratus tahun ini, namun tertakluk kepada kelancaran dan keberkesanan program imunisasi, peningkatan kedudukan eksport negara serta tahap pelaburan.

“Kejayaan pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan adalah penting bagi memastikan ramalan ini dapat dicapai, sekali gus proses pemulihan ekonomi dapat dilakukan dengan lancar apabila lebih banyak aktiviti ekonomi dapat dibuka.

“Sebagai contoh, apabila sempadan negara kembali dibuka, sektor yang terjejas teruk seperti penerbangan dan pelancongan akan dapat beroperasi semula. Begitu juga kilang-kilang yang dapat beroperasi tanpa risiko perlu ditutup akibat jangkitan sesama pekerja.

“Rantaian ekonomi berterusan akan membolehkan kitaran ekonomi berjalan lancar yang akan membawa kebaikan bukan sahaja kepada negara, malah kepada kehidupan seharian rakyat,” katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Menurut Khairy, vaksin yang diperoleh adalah selamat dan berkesan serta telah diuji kepada puluhan ribu penerima sebelum diluluskan.

Tambah beliau, tiada bukti vaksin tersebut memudaratkan nyawa atau kesihatan mereka serta dakwaan akan mengubah DNA penerima.

“Vaksin ini tidak mengandungi microcip untuk mengambil alih pemikiran kita. Vaksin ini bukan agenda illuminati yang mahu menubuhkan New World Order. Vaksin ini dihasilkan oleh sains.

“Kita mesti yakin dengan sains dan bukannya teori konspirasi yang tular dalam WhatsApp keluarga atau taman perumahan yang memetik sumber palsu. Sains mesti menang," katanya.

Khairy berkata, apabila jangkitan menurun, lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial boleh dijalankan tanpa sekatan yang terlalu ketat.

**Penampilan baharu Rina Harun tarik perhatian netizen**

Baca cerita seterusnya ›

Katanya, gangguan dalam program imunisasi serta keadaan pandemik Covid-19 yang berterusan akan terus membawa negara ke arah ketidaktentuan ekonomi serta memaksa kawalan pergerakan diteruskan.

“Saya ingin menyeru agar setiap ahli masyarakat untuk bersama-sama menyokong Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang akan bermula hujung bulan ini.

“Apabila tiba masa untuk kita menerima vaksin, segera mendaftar agar sasaran kita untuk mencapai imuniti kelompok dapat dipercepat yang seterusnya membolehkan proses pemulihan ekonomi disegerakan.

Junta tentera Myanmar potong internet, lepas tembakan ×

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Khairy Jamauluddin

**TERKINI** | POPULAR

1 Junta tentera Myanmar potong internet, lepas tembakan
2 UMNO Sabah sasar 13 kerusi PRU15: Bung Moktar
3 Kadar jangkitan Covid-19 terus menurun: Dr Noor Hisham
4 Beri kebebasan media lapor berita benar, telus
5 Medium dakwah banteras rasuah

**Penampilan baharu Rina Harun tarik perhatian netizen**

Baca cerita seterusnya ›

*Dapatkan informasi dan statistik terkini penularan wabak Covid-19 di Malaysia di sini: https://info.sinarharian.com.my/koronavirus*

Advertisement

**Apakah reaksi anda?** 1 vote Powered by Vuukle

| 100% | 0% | 0% | 0% | 0% | 0% |
|---|---|---|---|---|---|
| Gembira | Biasa Jer | Terhibur | Teruja | Marah | Sedih |

100%

## Komen

## Artikel Berkaitan



'Kita tidak selamat sehingga semua selamat' - Khairy

KUALA LUMPUR - Malaysia hanya akan selamat daripada pandemik COVID-19 jika penduduk termasuk bukan warganegara yang menetap di negara ini telah...

**Penampilan baharu Rina Harun tarik perhatian netizen**

Baca cerita seterusnya ›



### Khairy sedia beri taklimat kepada PAC

PUTRAJAYA - Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Khairy Jamaluddin Abu Bakar bersedia memberi taklimat kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang...



### JKR Kuala Langat tak wajar bersikap 'double standard'

SHAH ALAM - Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak seharusnya bersikap 'pilih bulu' susulan insiden kemalangan membabitkan Menteri Sains, Teknologi...




### Tiada apa yang tumbang atau jatuh, kata KJ

PUTRAJAYA - Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin Abu Bakar seakan menoktahkan spekulasi tumbangnya kerajaan Perikatan Nasional (PN) selepas...



### PAC puas hati penjelasan Khairy

KUALA LUMPUR - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) tidak akan berkompromi dengan prinsip ketelusan dalam menjalankan tugasan dan pada masa sama...




### Kerajaan cadang jadikan MYHackathon sebagai acara berulang

KUALA LUMPUR - Kerajaan bercadang menjadikan MYHackathon, sebuah program mencari penyelesaian permasalahan perkhidmatan secara digital antara...

## Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

DMCA PROTECTED

**Penampilan baharu Rina Harun tarik perhatian netizen**

Baca cerita seterusnya >

**Penampilan baharu Rina Harun tarik perhatian netizen**

SHAH ALAM - Penampilan terkini Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun menjadi tumpuan warganet apabila tampil lebih langsing dan bergaya.

Sinarharian

**Pam min RM50 untuk dapatkan 4X Mata Ganjaran**

Shell Malaysia | Sponsored

**unar New Year Exclusive**

loomberg

Subscribe

**ladina Bubble Sleeve Blouse - Beige/Orange Marble**

M79

oplook

Shop Now

**am min RM50 untuk dapatkan 4X Mata Ganjaran**

hell Malaysia

**lasak dengan produk MAGGI dan berpeluang untuk menang & beramal!**

estle Maggi

**ak Bina Rumah Sendiri? Jom Mohon Skim Rumah Mesra Rakyat (RMR) SPNB!**

roperty.com.my

**ilangkan segala kesakitan di seluruh badan tanpa sebarang rawatan!**

ERITA & SAINS MALAYSIA

**Cawan (Sebelum Tidur), Membakar Lemak Perut Seperti Gila.**

ltra Fast Keto Boost

**Penampilan baharu Rina Harun tarik perhatian netizen**

Baca cerita seterusnya ›

**ara paling mudah untuk singkirkan lemak perut!**
**etoslim**

Sponsored Links by Taboo

**Penampilan baharu Rina Harun tarik perhatian netizen**

Baca cerita seterusnya